



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

Berita
Online

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 4 SEPTEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Padah simpan lebih 23,000kg minyak

TELUK INTAN — Lebih 23,015 kilogram (kg) minyak masak ditemui di premis pemborong di Langkap di sini oleh sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak kelmarin.

Sehubungan itu, menurut Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail, tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan ke atas pemborong yang menyimpan barang berjadual minyak masak melebihi had dibenarkan itu dilaksanakan kira-kira pukul 11 pagi.

Katanya, tindakan itu adalah hasil daripada pemeriksaan harian yang dilakukan oleh anggota penguat kuasa ke atas pemborong tersebut.

"Hasil pemeriksaan mendapati kuantiti semasa minyak masak melalui pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8 (1) AKB 1961

dan melalui rekod belian serta rekod jualan minyak masak dianggarkan berjumlah 23,015kg melebihi had simpanan yang ditetapkan di dalam lesen iaitu hanya 10,000kg.

"Berikutnya penemuan tersebut, pemilik perniagaan memperakui pengisytiharan stok berkenaan dan menyimpan minyak masak melebihi had kuantiti yang dibenarkan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, kesemua 23,015kg minyak masak dengan nilai rampasan berjumlah RM96,663 telah disita bagi siasatan dan tindakan selanjutnya dilakukan oleh KPDN Cawangan Teluk Intan.


Kamalludin berkata, kes akan disiasat dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Tambahnya, jika sabit kesalahan, seseorang selain dari badan korporat boleh didenida tidak melebihi RM1 juta atau tidak melebihi tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

ANGGOTA penguat kuasa KPDN memeriksa minyak masak yang ditemui di premis pemborong di Langkap, Teluk Intan semalam.



Lori tangki yang digunakan untuk menyimpan minyak kelapa sawit mentah di sebuah stor dekat Permas Jaya, Johor Bahru.



Sorok 58,000 liter minyak sawit mentah

Turut dirampas mesin pam, menara boiler dan alat penimbang

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Sebanyak 58,000 liter minyak sawit mentah bernilai RM220,500 dirampas dalam satu serbuan di sebuah stor haram di Permas Jaya di sini pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, serbuan ketika Op Taring Palma dilakukan bermula tengah malam Ahad sehingga jam 10.18 pagi Isnin.

Menurutnya, operasi dilancarkan sepasukan pegawai dan anggota Cawangan Risik Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman bersama tiga pegawai penguat kuasa Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Johor.

"Hasil serbuan, polis merampas tiga treler tidak bernombor mengandungi minyak sawit mentah jenis Crude Palm Oil (CPO) dengan anggaran kapasiti 58,000 liter.

"Barangan rampasan lain termasuk dua unit mesin pam, menara boiler, jentera angkat susun, alat penimbang dan lori," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Ujar beliau, hasil rampasan dianggarkan bernilai RM465,111 manakala anggaran nilai minyak sawit mentah berjumlah RM220,500.

Raub berkata, tiada tangkapan dilakukan berikutnya tiada penghuni atau penjaga di lokasi ketika serbuan.

Tambah beliau, semua barang rampasan diserahkan kepada MPOB



Anggota penguat kuasa KPDN memeriksa stok minyak masak disimpan pemberong yang melebihi kuantiti dibenarkan di Langkap, Teluk Intan.

Johor untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 78 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan.

"Kes ini juga disiasat mengikut Peraturan 5 (1)(d) akta sama iaitu mengalih dan menyimpan minyak sawit tanpa lesen yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM200,000 atau hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," ujarnya.

Sementara itu, di **TELUK INTAN**, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak menyita 23,015 kilogram (kg) minyak masak ketika pemeriksaan di sebuah syarikat pemberong di Langkap pada Isnin.

Pengaruhnya, Datuk Kamalludin Ismail berkata, sitaan dilakukan selepas premis itu disyaki menyimpan barang berjadual minyak masak melebihi kuantiti dibenarkan.

Menurutnya, tindakan itu adalah hasil pemeriksaan harian dilakukan penguat kuasa terhadap pemberong terbabit.

"Pemeriksaan mendapat, kuantiti semasa minyak masak melalui pengisytiharan stok, rekod belian dan jualan melebihi had simpanan ditetapkan dalam lesen iaitu hanya 10,000kg.

"Pemilik memperakui pengisytiharan stok dan menyimpan minyak masak melebihi had," katanya dalam satu kenyataan.

Kamalludin berkata, semua minyak masak bernilai RM96,663 disita bagi siasatan dan tindakan lanjut mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon **019-2650823** atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian **03-51017469**

**10 pagi hingga
8 malam setiap hari**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Security and competition in the digital world

MALAYSIA is currently navigating a critical phase of reform in its cybersecurity and competition law frameworks, driven by the need to address the complexities inherent in the rapidly evolving digital landscape.

The imminent enforcement of the Cyber Security Act 2024 (Act 854), coupled with ongoing efforts to modernise the Competition Act 2010, underscores the nation's strategic commitment to enhancing its digital and economic environment.

A fundamental pillar in Malaysia's reinforced cybersecurity framework, the Cyber Security Act was designed to substantially strengthen the country's defences against increasingly sophisticated cyber threats. It specifically targets the protection of National Critical Information Infrastructure (NCII) sectors, which encompass key areas such as government services, banking, healthcare, and energy.

By fortifying these essential sectors, the Act plays a crucial role in ensuring national security resilience and the stability of both public and private sector functions.

The National Cyber Security

Agency (Nacs) assumes a central role in implementing the Act's provisions. It is responsible for overseeing the expansion of the National Coordination and Command Centre (NC4) and enhancing the development of cybersecurity talent within the country.

Nacs's implementation of the four major regulations accompanying Act 854 is intended to provide a comprehensive approach to risk management and compliance within cyberspace, ensuring a robust and secure digital environment.

Conversely, while cybersecurity reforms are progressing, Malaysia's competition law faces significant challenges in the context of the digital economy.

The Competition Act 2010, administered by the Malaysia Competition Commission (MyCC), aims to promote economic growth and protect consumers from anti-competitive practices.

However, the law is increasingly perceived as outdated when applied to the complexities of digital platforms operating in multi-sided markets.

High-profile cases, such as the Grab-Uber merger of 2019 and

Grab's alleged abuse of market dominance in 2023, highlight the difficulties in applying traditional competition principles to contemporary digital enterprises.

Although MyCC ruled that Grab's restrictive contracts with drivers violated competition laws, this decision was later overturned in a judicial review due to procedural issues.

The case underscores the urgent need for more robust competition regulations tailored to the specific characteristics of digital markets, where platform dominance and exclusionary practices can significantly undermine fair competition and consumer choice.

A critical gap in Malaysia's competition law framework is the absence of a merger control regime. The lack of such provisions has permitted significant consolidations, such as the Grab-Uber merger, to proceed without adequate scrutiny.

This deficiency severely restricts MyCC's capacity to regulate anti-competitive mergers that could potentially stifle competition within the digital marketplace.

Although the introduction of a

merger control regime has been proposed, it is still pending parliamentary debate, leaving a crucial aspect of regulation unaddressed.

Furthermore, the definitions of digital markets within MyCC's guidelines are inadequately specified, creating opportunities for exploitation by large platform operators.

To effectively close these regulatory gaps, a comprehensive review of the ecommerce sector and more precise definitions of market boundaries are essential.

Additionally, MyCC must establish clear standards for the accountability of major digital platforms, ensuring their operations are conducted fairly and transparently, thereby safeguarding consumer interests.

By embracing international best practices and enhancing regulatory oversight, Malaysia can cultivate a more equitable and competitive digital economy, fostering innovation while safeguarding the rights of consumers.

AL HANISHAM MOHD KHALID
Senior lecturer
School of Law
Universiti Utara Malaysia,
Sintok



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 SEPTEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Sep	KPDN Perak rampas lebih 23,000kg minyak masak	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-perak-rampas-lebih-23-000kg-minyak-masak	BERITA RTM
4-Sep	KPDN Perak sita 23,015 kg minyak masak	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/kpdn-perak-sita-23015kg-minyak-masak/	UTUSAN
4-Sep	Pemborong dikenakan tindakan simpan minyak masak melebihi had	https://www.sinarharian.com.my/article/683586/berita/semasa/pemborong-dikenakan-tindakan-simpan-minyak-masak-melebihi-had	SINAR HARIAN
4-Sep	Kpdn rampas minyak masak stok lebih had	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2336337	BERNAMA RADIO
4-Sep	KPDN seizes cooking oil worth over RM96,000 from wholesaler	https://thesun.my/local-news/kpdn-seizes-cooking-oil-worth-over-rm96000-from-wholesaler-JP12956069#google_vignette	THE SUN